



**IBU PEJABAT,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT,
MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRECINCT 7,
62250 PUTRAJAYA.**

Telefon : 603-88880036
Faks : 603-88880962
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-mail : korporat@bomba.gov.my

‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Kami: JBPM/IP/KOR:100-2/1 (39)

Tarikh: 18 Januari 2012

SIARAN MEDIA

UTAMAKAN KESELAMATAN KEBAKARAN SEMPENA MENYAMBUT TAHUN BARU CINA 2012

PUTRAJAYA 18 Januari 2012 – Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada rakyat Malaysia dan menyeru semua penghuni yang akan meninggalkan kediaman masing-masing supaya memastikan keselamatan rumah hendaklah diutamakan ketika pulang ke kampung untuk bercuti sempena merayakan sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini.

Sebelum meninggalkan rumah, demi keselamatan dan kesejahteraan semua penghuni diingatkan agar memastikan semua sambungan peralatan elektrik yang tidak digunakan ditanggalkan dari soket seperti televisyen, sterika, oven dan sebagainya. Selain itu juga, penghuni hendaklah memastikan tiada barangan mudah terbakar berhampiran atau bersentuhan dengan peti sejuk yang masih berfungsi. Semua injap gas memasak ditanggalkan dari selinder gas.

Penghuni juga dinasihatkan supaya memberikan nombor telefon untuk dihubungi jika berlaku sebarang kecemasan kepada jiran sebelah yang tidak pulang ke kampung.



**CERTIFIED TO ISO 9001 : 2008
CERT. NO : AR 5037**

Bagi yang menaiki kenderaan persendirian untuk pulang ke kampung, hendaklah memastikan air radiator telah diisi dan tidak terdapat sebarang kebocoran. Selain memastikan minyak pelincir diisi ke paras yang ditetapkan, angin tayar mematuhi spesifikasi kenderaan dan mempunyai alat pemadam api mudah alih.

Dikeluarkan Oleh :

Sobberi b. Basiran
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Pengurusan Korporat
Ibu pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia
sobberi_64@bomba.gov.my atau korporat@bomba.gov.my